


Siri Kaunseling

TIPS
PERKAHWINAN
DAN *Keluargaan*



Tips Perkahwinan dan Keluarga

Tajuk	: Tips Perkahwinan dan Keluarga
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Tips Perkahwinan dan Kekeluargaan

Bahagian I : Pengasuhan Ibu Bapa

Ada ibu bapa yang beranggapan bahawa tanggungjawab mereka adalah untuk memberikan pendidikan yang tertinggi kepada anak mereka. Oleh yang demikian mereka berusaha bertungkus-lumus untuk memberikan pendidikan intelek yang terbaik bagi anak mereka. Ramai yang sanggup untuk bekerja lebih masa untuk menampung perbelanjaan agar anak mereka memiliki segulung ijazah. Manakala mereka yang lebih bersifat tradisional pula beranggapan bahawa tanggungjawab mereka sebagai ibubapa adalah untuk memastikan anak mereka dibekalkan makanan dan pakaian yang baik. Mereka tidak kisah sekiranya anak-anak mereka menjadi obes (kegemukan) asalkan mereka cukup makan serta berpakaian kemas. Ibu bapa mereka akan berasa tanggungjawab mereka sebagai orang tua sudah dilaksanakan.

Namun ada juga yang menganggap pengasuhan dan tanggungjawab ibu bapa sebagai satu psikoterapi yang efektif untuk membantu anak mereka mengikuti jejak langkah mereka, atau sekurang-kurangnya mematuhi rancangan yang telah disediakan bagi mereka. Sekiranya anak-anak enggan, harta warisan mungkin tidak diberikan kepada mereka.

Jadi, apa sebenarnya pengasuhan dan tanggungjawab keibubapaan yang baik?

Semua anggapan di atas mempunyai kebenaran mereka masing-masing. Namun sekiranya ia dipraktikkan secara keterlaluan, anak-anak akan membesar dengan kecacatan dari segi personaliti, harga diri, kebolehan bersosial, pembentukan moral serta kerohanian. Di dalam pencarian kita bagi prinsip-prinsip Alkitabiah dan contoh untuk diteladani oleh para ibu-bapa, kita harus bertanya kepada Bapa semua manusia apakah tugas dan tanggungjawab ibu bapa yang sebenarnya.

Buku ini bertujuan untuk membincang tujuan dan tanggungjawab ibu bapa untuk membantu seorang anak supaya menjadi lebih seperti Kristus. Oleh yang demikian kita harus berdepan dengan soalan seperti:

- Mengapakah kita harus mengasuh dan membesarkan anak kita sebaik mungkin?
- Apakah alasan-alasan untuk kita mengekalkan pengasuhan oleh ibu bapa yang bertanggungjawab dari satu generasi ke generasi yang seterusnya?

Kita harus menjawab soalan-soalan tersebut kerana anak-anak adalah mangsa bagi kesilapan ibu-bapa. Mereka adalah masa depan bagi gereja dan masyarakat. Orang tua sering menyediakan pelbagai aktiviti kepada mereka agar mereka dapat memperbaiki diri sedangkan "apa yang anak-anak mereka inginkan ialah ruang" untuk meluangkan masa bersama ayah, ibu, dan adik-beradik mereka. Mereka inginkan sebuah tempat yang membenarkan mereka untuk menjadi diri sendiri di mana orang tua mereka yang sibuk mampu untuk menerima mereka seadanya. Mereka mahu agar mereka mampu

untuk mendapatkan ibu dan ayah tanpa mengira waktu apabila mereka diperlukan.

Tujuan perbincangan kita mengenai perkahwinan dan keluargaan ini adalah untuk membawa kita kembali untuk membaca Firman-Nya sekali lagi, untuk berfikir bersama-Nya, serta mendengar apakah nilai perkahwinan dan keluargaan di mata Tuhan. Kami berharap agar fikiran kita akan diperbaharui, hati kita disentuh, dan tulang empat kerat kita dikuatkan, semuanya untuk memampukan kita membesarkan generasi seterusnya bagi Dia. Apabila semua ini terjadi, keluarga baru yang telah ditebus oleh Yesus akan mulai terbentuk. Kita akan belajar untuk hidup bersama-sama sebagai satu keluarga di dalam keluarga Allah di mana Allah sebagai Bapa kita dan Yesus sebagai saudara kita (Ibrani 2:11,12)!

Kita juga berhasrat untuk mendorong perkembangan di dalam hubungan keluargaan dan berupaya menghalang masalah peribadi, rumah tangga dan sosial sebaik mungkin. Bagaimana? Kita boleh melakukannya dengan mendirikan kembali rancangan Allah bagi perkahwinan dan keluargaan. Tanpa tunjuk arah tuju dari-Nya, manusia akan tetap mencari utopia yang sia-sia. Penyelesaian berdasarkan kepintaran manusia mungkin berkesan buat sementara waktu sahaja. Tetapi ia pasti akan disiat oleh kegagalan, atau oleh idea-idea dan metodologi yang baru.

Tanpa pertolongan Tuhan, kita tidak mampu untuk mencegah masalah atau pun mendorong perkembangan yang tetap di dalam diri kita dan masyarakat.

Muktamadnya adalah "kemiskinan diri itu harus dikeluarkan dari manusia". Kita tidak boleh sekadar menarik seseorang keluar daripada kegelapan tersebut kemudian meninggalkan dia sendirian dengan kerohanian yang sama.

Bersama dengan manusia sejagat, rakyat Malaysia juga berdiri di pintu gerbang abad ke-21. Ramai yang khuatir kita tidak akan mengendahkan isu keruntuhan rumah tangga apabila teknologi maklumat berkembang pesat dan perindustrian membaham negara kita serta seluruh Asia Pasifik. Setiap hari maklumat tanpa had boleh dicapai oleh yang tua dan muda. Kita sudah tidak mampu untuk melindungi mereka yang berada di kawasan luar bandar. Filem-filem yang memaparkan gaya hidup dua puluh lima tahun dahulu sudah menjadi terlalu asing bagi kita. Keluarga-keluarga Kristian juga tidak memiliki perlindungan bagi serangan sedemikian. Ada juga kanak-kanak Sekolah Minggu kita yang jahil membaca buku-buku yang menjurus kepada ilmu hitam dan ideologi New Age¹. Tidak dapat dinafikan bahawa kita mula merasakan bahawa:



Media lebih berkuasa daripada bom!

Sebagai anak kepada Allah Pencipta dan Penyelamat, kita harus mencari panduan serta jawapan-Nya bagi generasi kita. Kita harus membezakan suara Tuhan dengan suara-suara lain di dunia. Selalunya kita akan mendengar suara-Nya melalui renungan Alkitab. Kadang-kadang kita

akan mendengar-Nya berbicara mengenai apa yang baik dan apa yang buruk melalui budaya dan tradisi kekeluargaan orang Asia. Begitu juga dengan budaya dan tradisi dari Barat. Kita sentiasa memerlukan hikmat daripada-Nya untuk mengenal pasti apa yang datang dari-Nya dan apa yang bukan. Kemudian kita memerlukan kuasa-Nya untuk memilih apa yang diinginkan-Nya. Ini bukanlah sesuatu yang mudah.

Untuk menjadi terang dan garam, kita harus mendapatkan pemahaman dari Tuhan yang adalah Terang bagi dunia, bukan sekadar daripada pengalaman dan kepandaian kita sahaja. Kita harus mengetahui mengapakah keluarga dijadikan struktur asas bagi gereja dan masyarakat. Hanya itu baharulah kita boleh mengetahui maksud bagi kewujudan kekeluargaan yang berterusan.

Kita harus mengenalpasti sama ada hubungan suami isteri, orang tua dan anak ataupun kedua-duanya harus menjadi asas kepada sesebuah keluarga. Apabila kita telah yakin bahawa Allah menginginkan umat-Nya untuk wujud sebagai unit-unit keluarga di muka bumi, kita harus berusaha untuk mematuhi panduan-Nya. Hasilnya adalah anak-anak kita akan membesar dengan lebih baik walaupun dengan segala kekurangan kita sebagai ibu bapa.

Tetapi jika kita tidak percaya bahawa pengasuhan yang berteraskan rohani bukanlah sesuatu yang penting bagi tumbesaran anak-anak, ibu bapa bebas melakukan apa sahaja tanpa mengira keperluan anak-anak mereka. Jika begitu kita harus mengaku bahawa kita mengikuti teori

evolusi buatan manusia, di mana hanya yang kuat sahaja yang akan hidup. Kita harus berasa syukur kerana kita boleh mempelajari kesilapan yang dilakukan oleh negara-negara maju yang lain. Bak kata pepatah, buang yang keruh ambil yang jernih. Suatu masa nanti, Tuhan mungkin akan menggunakan kita yang hidup di Timur untuk menjangkau negara-negara lain seperti yang telah terjadi sejak beberapa dekad yang lalu.

Kita tahu bahawa ada keperluan yang kian meningkat bagi pasangan ibu bapa untuk mendorong pasangan yang lain. Kita seharusnya melakukan yang terbaik di dalam tugas yang telah Tuhan berikan kepada kita ini. Kita harus berbincang, belajar, ketawa, menangis dan berdoa bersama-sama. Kita mempunyai sebuah tugas yang sangat besar. Ini adalah kerana kita sedang membentuk generasi-generasi masa hadapan Malaysia di rumah kita. Sekiranya perbincangan singkat ini membuka peluang bagi kesatuan dan perkongsian di dalam tanggungjawab keibubapaan kita, maka tujuan utama kami sudah pun tercapai.

Mungkinah Tuhan Yesus sendiri sedang bertanya kepada para ibu bapa,

“Adakah engkau menyayangi Aku lebih daripada semua ini... lebih daripada semua pekerjaanmu... walaupun mereka kelihatan sungguh baik?”

Sekiranya ya, Dia akan berkata...

“Gembalakanlah domba-domba-Ku... Anak-anak kecil-Ku... di dalam jajaanmu...”

(Diadaptasi daripada Yohanes 21:9-17)

Alasan-Alasan Untuk Kekeluargaan

Berdepan dengan peningkatan kadar keruntuhan rumah tangga di mana anak-anak tidak menerima kasih sayang serta penjagaan daripada ibu bapa mereka, adalah berpatutan bagi kita untuk menghitung bagaimana kita boleh membantu menguatkan hubungan suami-isteri dan orang tua-anak-anak. Ini boleh menghalang anak-anak daripada melalui kesakitan akibat perpisahan, perceraian dan pengabaian. Kemudian di dalam perlindungan kesatuan orang tua, kita akan mencuba sedaya upaya untuk memberkati anak-anak kita membesar sebagaimana Tuhan inginkan tanpa terpaksa memikul beban-beban kegagalan yang berlebihan sebagai ibu bapa. Walau bagaimanapun, saya juga turut mendapati melalui pengalaman saya sebagai seorang manusia biasa bahawa:

Sekiranya saya tahu mengapa saya melakukan sesuatu, saya lebih gembira dan bertenaga melakukannya jika dibandingkan dengan berbuat sesuatu dengan membuta tuli.

Oleh sebab itulah, soalan pertama berkaitan dengan kekeluargaan yang harus dibangkitkan ialah, "Mengapa kita harus dan jangan putus asa dalam membina sebuah keluarga penyayang?"

Oleh kerana ramai pasangan muda (dan juga yang tua) memilih untuk hidup bersama kemudian berpisah apabila mereka mahu, mengapa kita harus bertegas untuk mengajar jemaat kita di gereja untuk membina sebuah keluarga penyayang serta hubungan yang stabil? Saya

percaya bahawa jawapannya boleh didapati dengan mengkaji kembali tujuan Allah dalam menjadikan keluarga sebagai unit utama di dalam gereja dan masyarakat.

Apabila Allah mencipta langit dan bumi, Dia menjadi orang tua kepada Adam dan Hawa, lelaki dan perempuan yang pertama. Dia menyayangi, menjaga dan memenuhkan semua keperluan mereka supaya mereka memiliki hubungan yang sempurna di antara satu sama yang lain, dengan alam sekitar dan dengan Allah Bapa Pencipta mereka. Kejadian 1:28 merakamkan bahawa Allah memberikan mereka mandat untuk beranak-pinak, memenuhi bumi serta menjaganya. Dia menyayangi mereka supaya mereka turut menjadi ibu bapa yang penyayang.

Seperti yang dicatat di dalam Kejadian 3, dosa (pemberontakan melawan Allah) telah memasuki dunia sewaktu hanya terdapat dua orang insan (pasangan yang berpotensi menjadi ibu dan bapa) di bumi ini. Ini menyebabkan hubungan di antara mereka, dengan alam sekitar dan dengan Allah tercemar. Adam dan Hawa telah memusnahkan zaman kanak-kanak mereka sendiri, dan secara tidak langsung ini telah menjejaskan peranan keibubapaan mereka di masa hadapan.¹

Hubungan di antara orang tua dan anak-anak adalah di antara hubungan yang terjejas teruk. Ibu bapa sudah tidak mampu untuk mencerminkan gambaran Allah Bapa dengan sepenuhnya kepada anak-anak mereka, walaupun anak-anak sebenarnya mendapat pengalaman keserupaan Allah yang pertama melalui mereka. Oleh yang demikian, kita semua membesar dengan gambaran Allah yang telah

pincang.

Saya percaya bahawa Allah masih belum mengubah fikiran-Nya dalam memanggil semua orang, lelaki dan perempuan, tua dan muda untuk ditebus menjadi anak-anak-Nya sekali lagi. Allah Bapa dan Allah Anak berfungsi sebagai Satu di dalam keluarga Tritunggal. Dan Dia mencipta kita berdasarkan gambaran-Nya. Ibu bapa yang percaya dan patuh kepada Tuhan merupakan saluran utama-Nya bagi memanggil manusia untuk kembali mengenali, takut serta menyembah-Nya. Ramai yang bersetuju bahawa:

Tugas ibu bapa sebagai penginjil kepada anak-anak harus ditekankan semula.

Ibu bapa merupakan saluran-saluran yang telah ditahbis oleh Allah untuk memberikan kebenaran serta kasih kurnia-Nya kepada generasi-generasi yang baru.

(Inti Ulangan 6)

Di Malaysia, ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk diterima. Ia mungkin disebabkan kita dibesarkan di dalam rumah bukan Kristian ataupun keluarga Kristian generasi pertama dan kedua.

Ada kalanya, kita melihat kepada diri sendiri dan orang tua kita lalu menyedari kita tidak bersedia untuk menjalankan tugas untuk menginjili ahli keluarga sendiri mahupun di dalam mendirikan keluarga Kristus di dalam kediaman kita. Kita melihat keluarga Kristian yang penyayang dari jauh lalu berkata,

"Keluarga saya tak mungkin menjadi seperti mereka... Mungkin Tuhan mencipta sesetengah keluarga lebih baik daripada yang lain. Mungkin saya harus akur dan menerima keluarga yang sudah separuh roboh ini... ataupun membiarkan generasi muda untuk mencuba cara baru dengan tinggal bersama tanpa ikatan perkahwinan dan jangan sampai ada anak."

Saya percaya bahawa inilah masanya di dalam sejarah negara kita di mana umat Allah harus mempertimbangkan Firman Tuhan sekali lagi. Ia adalah sangat berpatutan bagi kita untuk bermula daripada kitab Kejadian di dalam usaha kita untuk memahami tujuan Allah ketika Dia meletakkan setiap insan di dalam sebuah keluarga untuk dibesarkan melalui penjagaan ibu bapa.

1. Allah Tinggal di Dalam Sebuah Komuniti

Allah hidup di dalam komuniti Tritunggal yang mempunyai kualiti-kualiti feminin dan maskulin.

Oleh yang demikian, Allah mempunyai sebab untuk menjadikan keluarga sebagai satu komuniti. Kita harus hidup sebagai satu komuniti di dalam lingkungan keluarga bagi mencerminkan aspek-aspek personaliti feminin dan maskulin kita sekiranya kita ingin dikembalikan kepada gambaran Allah.

Ini tidak bermakna bahawa Allah mahu dirujuk sebagai seorang yang feminin di dalam Alkitab seperti yang diwar-warkan oleh para aktivis gerakan feminisme. Tidak sama sekali! Bukan sahaja Dia mempunyai rancangan agung di dalam merujuk diri-Nya sebagai Bapa kepada umat-Nya

serta Yesus sendiri, Dia adalah di luar batasan ungkaiian kata-kata.

Doa Yesus di dalam Yohanes 17:20-23

“Dan bukan untuk mereka ini saja Aku berdoa, tetapi juga untuk orang-orang yang percaya kepada-Ku oleh pemberitaan mereka; supaya mereka semua menjadi satu, sama seperti Engkau, ya Bapa, di dalam Aku dan Aku di dalam Engkau, agar mereka juga di dalam Kita, supaya dunia percaya, bahwa Engkaulah yang telah mengutus Aku. Dan Aku telah memberikan kepada mereka kemuliaan, yang Engkau berikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu, sama seperti Kita adalah satu: Aku di dalam mereka dan Engkau di dalam Aku supaya mereka sempurna menjadi satu, agar dunia tahu, bahwa Engkau yang telah mengutus Aku dan bahwa Engkau mengasihi mereka, sama seperti Engkau mengasihi Aku.”

Di dalam Yesaya 66:12-13, Allah berfirman mengenai umat-Nya,

“Sesungguhnya, Aku mengalirkan kepadanya keselamatan seperti sungai, dan kekayaan bangsa-bangsa seperti batang air yang membanjir; kamu akan menyusu, akan digendong, akan dibelai-belai di pangkuan. **Seperti seseorang yang dihibur ibunya, demikianlah Aku ini akan menghibur kamu; kamu akan dihibur di Yerusalem.**”

Yesus mengajar para murid-Nya di dalam Matius 6:9:

“Kerana itu berdoalah demikian: Bapa kami yang di syurga...”

Di dalam Yohanes 17, ketika Yesus mencadangkan bahawa Dia dan Bapa-Nya adalah satu di dalam fikiran, perasaan, perkataan dan perbuatan. Dia mengajar di dalam Yohanes 14, 15 dan 16 bahawa Roh Kuduslah yang membolehkan kita untuk bergerak selari bersama dengan Tritunggal. Allah Bapa, Allah Anak dan Allah Roh Kudus hidup sebagai satu keluarga di dalam kasih dan keharmonian.

Oleh yang demikian, mereka yang dicipta menurut gambaran-Nya telah dirangka untuk hidup di dalam satu komuniti kekeluargaan. Pepatah “tidak ada orang yang mampu hidup sendirian” secara tidak langsung adalah Alkitabiah.

Tambahan lagi, petikan Yesaya dan Matius di atas menunjukkan bahawa Allah kita mempunyai kualiti-kualiti feminin seta maskulin dalam keperibadian-Nya. Namun demikian, kita tidak mampu mengetahui Allah dengan sepenuhnya walaupun serba sedikit keperibadian-Nya dinyatakan kepada kita melalui ciptaan lain di sekeliling kita (Roma 1:18-20). Dia juga menyatakan diri-Nya kepada kita melalui firman dan Anak-Nya yang telah datang sebagai seorang manusia, Firman yang hidup. Pandangan dan pengertian kita terhadap-Nya masih kabur kerana kita masih merupakan gambaran rosak yang sedang menuju kepada pemulihan.

Allah telah menyatakan diri-Nya kepada kita melalui hidup Anak-Nya di muka bumi. Karakter dan personaliti-Nya sungguh sempurna. Dia menginginkan kita untuk menjadi seperti-Nya. Di dalam hikmat, Dia telah memberikan keistimewaan kepada lelaki dan perempuan untuk dicipta menurut gambaran-Nya. Dan bersama-sama, mereka juga memiliki keistimewaan untuk menunjukkan gambaran tersebut kepada anak-anak mereka supaya generasi seterusnya kenal siapa Allah mereka. Kemudian anak-anak tersebut akan mempunyai keinginan untuk kembali kepada Allah yang Maha Pengasih, Maha Kuasa dan Kekal kerana Dia mempunyai sebuah rancangan yang menakjubkan bagi semua manusia berdosa yang telah bertaubat di dalam bumi dan syurga yang baru.

Allah merancang supaya kasih kurnia-Nya diturunkan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya, melalui ibu bapa kepada anak-anak mereka. Walaupun kita dipenuhi dosa, rancangan ini tetap tidak terbatal. Dosa telah menyebabkan kita menurunkan 'kasih kurnia yang pincang' kepada anak-anak kita. Dr. D.A. Seamands telah menggunakan istilah 'DYSgrace' yang bermaksud kasih kurnia yang pincang di dalam bukunya *Healing Grace*.

Kita menurunkan kasih kurnia yang pincang kepada anak-anak kita apabila kita memberikan gambaran Allah yang salah kepada mereka: bahawa Dia seperti seorang sultan dan bukan seorang ayah mahupun ibu; Yesus merupakan seorang yang "lembik dan lembut", yang mematuhi Allah kerana Dia hanya makhluk yang fana, dan bukan sebagai Anak yang rela tunduk kepada Bapa-Nya. Oleh yang demikian pengasuhan ibu bapa yang bersifat Alkitabiah

adalah meminta dari Allah untuk menurunkan realiti Allah yang lebih jelas kepada anak-anak mereka.

2. Nilai Lelaki dan Perempuan

Lelaki (seseorang yang berpotensi menjadi suami dan ayah) dan perempuan (seseorang yang berpotensi menjadi isteri dan ibu) memiliki status yang sama di mata Pencipta.

Pada mulanya, ketika Allah menciptakan lelaki dan perempuan yang pertama, Dia memulakan proses pengasuhan manusia berdasarkan gambaran-Nya (Kejadian 1:26-31). Mandat tersebut diberikan kepada lelaki dan perempuan yang pertama yang akan menjadi ibu bapa melalui panggilan untuk beranak-cucu dan bertambah banyak, sekaligus memenuhi bumi dan menjaganya (Kejadian 1:28).

Kedua-dua mereka menerima tanggungjawab yang diberikan oleh Allah. Mereka berdua harus menjaga semua hidupan di laut, burung di udara, ternakan, bumi dan seterusnya anak-anak mereka.

Tidak ada petunjuk yang mencadangkan bahawa hanya satu pihak yang menanggung tugas yang lebih besar daripada pihak yang satu lagi. Semuanya menunjukkan bahawa Allah merancangya sedemikian. Alkitab mengajar kita bahawa Allah tidak bersikap berat sebelah tetapi sebaliknya Dia sangat adil. Tanpa mengira jantina, semua orang memiliki nilai yang sama bagi-Nya. Semuanya sama-sama dikasihi dan dibesarkan untuk menyerupai Dia. Oleh kerana tidak ada pembahagian

tugas mengikut jantina sehinggalah Kejadian 2, ini menunjukkan bahawa sebelum kejatuhan manusia, lelaki dan perempuan hidup dan menjalankan tugas yang Allah berikan kepada mereka dengan gembira dan harmoni.

Hanya selepas kejatuhan ke dalam dosa di Kejadian 3 baharulah ada perbezaan tugas mengikut jantina. Sejak itulah lelaki dan perempuan kian bergelut untuk dibebaskan daripada belenggu tugas-tugas walaupun peranan-peranan tersebut adalah normal. Sudah tidak ada nikmat menjadi sama walaupun berbeza. Lelaki berhasrat untuk menguasai perempuan dan perempuan pula berusaha untuk membuktikan kesamarataan mereka dengan melakukan tugas-tugas kaum lelaki.

Namun demikian, Allah sudah mula mengembalikan nikmat tersebut melalui penebusan Yesus Kristus. Ada kaum lelaki dan perempuan yang menikmati kesamarataan mereka di dalam Kristus melalui tugas masing-masing di dalam keluarga dan masyarakat.

"Kesatuan yang dijelaskan di dalam Kejadian 2:24-25 di antara suami dan isteri tidak bermaksud masing-masing akan kehilangan personaliti mereka. Sesungguhnya, mereka hanya akan kehilangan keindividuan mereka melalui pertukaran identiti mereka sebagai seorang manusia biasa" (David Hugget).

Untuk menjadi manusia, kita harus hidup di dalam sebuah komuniti. Ia adalah satu pengalaman yang penuh kegembiraan untuk hidup bersama orang lain di dalam keintiman, sama seperti yang Allah inginkan bagi pasangan yang sudah berkahwin.

Walau bagaimanapun, kita harus ingat bahawa susunan peristiwa ini (tanpa menyentuh isu kebujangan) diberikan sebelum kejatuhan manusia.

Allah kemudiannya menunjukkan kepada kita bagaimana Dia menebus perhubungan manusia yang musnah melalui kedatangan Anak-Nya sebagai seorang lelaki yang bujang dan melalui "kelahiran kedua" mereka yang telah bertaubat. Tuhan Yesus menyatakan dengan jelas bahawa mereka yang melakukan kehendak Allah adalah saudara-Nya (dan ibu-Nya) (Markus 3:31-35).

Kasih Allah menjangkau jantina. Semua lelaki dan perempuan boleh berkomunikasi secara intim sebagai saudara dan saudari di dalam Kristus. Mereka juga berkongsi di dalam gambaran-Nya sebagai sebuah komuniti Allah, tanpa melibatkan kesatuan fizikal yang dihaskan bagi pasangan suami isteri sahaja.

3. Lelaki dan Perempuan Berbeza Dari Segi Tugas dan Kurnia.

Allah mencipta lelaki dan perempuan secara berbeza walaupun mereka mempunyai kualiti-kualiti yang serupa. Mereka mempunyai kurnia dan tugas yang berbeza. Mengapakah Allah mencipta lelaki dan perempuan sekiranya kesamarataan status amat penting bagi manusia? Adakah perbezaan di antara lelaki dan perempuan hanya dari segi fizikal ataupun dari segi kurnia personaliti dan bakat? Lagi pun, sekiranya mereka sama rata, mengapa kanak-kanak memerlukan kedua-dua ayah dan ibu untuk membesar dengan sihat?

Saya percaya bahawa sekurang-kurangnya satu tujuan utama bagi perbezaan jantina ialah bagi lelaki dan perempuan untuk memenuhi tugas-tugas yang berbeza di dunia ini. Dalam jangka hayat ini (kerana apabila kebangkitan orang mati berlaku, anak-anak Tuhan akan memiliki tubuh yang baru, ia mungkin tidak mempunyai jantina seperti yang kita ketahui sekarang dari Markus 12:25), lelaki dan perempuan harus bertanggungjawab menjaga ciptaan Allah. Ini termasuklah anak-anak mereka.

Walaupun mereka mempunyai tugas-tugas yang berbeza, kedua-dua pihak harus terlibat dalam melaksanakan pengasuhan menurut cara Tuhan. Ini adalah kerana Allah mempunyai kedua-dua karakter maskulin dan feminin.

Oleh kerana Bapa kita yang di syurga sangat kreatif dan bijak, saya amat yakin bahawa:

Antara sebab lain mengapa Allah membezakan kurnia bagi manusia kepada lelaki dan perempuan ialah untuk memastikan tidak ada sesiapa yang mampu berkata dia tidak memerlukan orang lain untuk mematuhi Allah serta hidup menyenangkan-Nya. Setiap orang dicipta sebagai ciptaan sosial, bergantung kepada satu dengan yang lain di dalam Kebapaan Allah secara menyeluruh.

Sekiranya kanak-kanak memerlukan kedua-dua ibu bapa untuk membesarkan mereka dengan sihat (supaya lebih menyerupai Kristus), mari kita mempertimbangkan mengapa banyak keluarga hari ini, samada Kristian

ataupun tidak, sering meletakkan pencapaian sendiri suami ataupun isteri lebih daripada masa untuk diluangkan bersama anak-anak mereka. Satu petunjuk bagi jawapan yang masuk akal ialah dengan melihat kepada pengaruh-pengaruh yang telah mencapai masyarakat dan keluarga kita.

Kebanyakan bahan-bahan sumber Kristian mengenai perkahwinan dan kekeluargaan yang ada di kedai buku tempatan ditulis berpandukan pandangan Barat yang dipengaruhi oleh falsafah kemanusiaan Zaman Kesedaran sejak 400 tahun dahulu². Kita menelan ajaran-ajaran yang dipengaruhi oleh psikologi sekular, budaya popular dan norma-norma bukan berasaskan Alkitab. Kebanyakan daripada mereka bersarungkan istilah-istilah Kristian. Tidak dapat dinafikan bahawa mereka sememangnya bermanfaat, namun sedikit kepincangan sudah cukup untuk mengaburi segalanya.

Secara umumnya, corak fikiran kemanusiaan telah mempengaruhi ramai orang muda untuk memandangkan perkahwinan hanya sebagai kepuasan hubungan suami isteri, dan bukannya tanggungjawab membesarkan anak sekiranya Tuhan menganugerahkan anak kepada mereka. Oleh yang demikian, sekiranya salah seorang ataupun kedua-dua pihak tidak berasa dipenuhi, tekanan menimpa mereka untuk bercerai. Oleh kerana mereka tidak menganggap kebajikan anak-anak sebagai sesuatu yang penting, mengorbankan kepuasan diri demi kebaikan anak-anak bukan sesuatu yang dianggap munasabah oleh mereka. Ini belum lagi menyentuh isu-isu kecurangan dalam perkahwinan (Matius 19:3-9).

Kesimpulan

Bagaimanakah pemahaman tentang konsep pengasuhan yang ditahbiskan oleh Allah bukan hanya sekadar hubungan suami isteri mampu membantu kita di dalam hidup berkeluarga? Sesungguhnya kasih perjanjian Allah Bapa kitalah yang telah menyatukan kita – suami, isteri dan anak-anak yang tidak sempurna.

Perjanjian yang Allah lakukan bersama dengan umat-Nya di Perjanjian Lama sebelum kedatangan Anak-Nya Yesus sebagai manusia, adalah perjanjian satu hala di antara Pencipta dan ciptaan-Nya. Allah memulakan inisiatif untuk menjaga mereka tanpa mengambil kira kemampuan mereka untuk taat kepada-Nya. Kasih perjanjian ini adalah “khusus, disengajakan dan tanpa syarat”³. Ia tetap sebuah berita baik kasih kurnia-Nya kepada kita.

Perjanjian tersebut bukanlah sebuah kontrak dua hala. Allah telah mentahbis perkahwinan dan kekeluargaan. Dia menjaganya dengan kasih janji-Nya. Institusi tersebut tidak akan rapuh walaupun teori-teori dan idea-idea dunia berubah, mahupun banyak perkahwinan yang gagal.

Kadang-kadang, orang Kristian menerapkan budaya hubungan segera, singkat dan tidak berkekalan seolah-olah itu adalah pemberian Tuhan. Apabila keadaan tidak mengikuti kemahuan kita, kita akan cuba sama ada untuk menyenangkan Tuhan atau menyalahkan Dia. Kita harus ingat walaupun kita gagal dalam perkahwinan atau

tanggungjawab mengasuh anak, atau ketika idealisme kita hancur berkecai, kita masih mempunyai harapan kerana kita telah pun menerima berita baik dalam kedatangan Yesus, Anak Allah (Yohanes 3:16-21).

Kini kita mempunyai peluang untuk memahami bahawa proses untuk menebus seseorang menjadi seperti Kristus sudah berada di fikiran Allah jauh sebelum kita diciptakan dan ia akan berterusan sehinggalah kita kembali kepada-Nya (Yeremia 1:4,5; Mazmur 139:16). Meskipun proses ini adalah melalui perkahwinan ataupun hidup bersendirian, tanpa cahaya mata atau beranak ramai, kita semua dipegang oleh kasih perjanjian Allah.

Namun demikian, anda mungkin tertanya-tanya... mengapa harus peduli akan keluarga apabila keluarga kepunyaan saya tidak mengasihi saya? Ada banyak alasan untuk berbuat demikian kerana Allah bukan sahaja mahu, tetapi juga mampu untuk memberikan anda hidup yang baru melalui pengorbanan Kristus di atas kayu salib untuk dosa anda dan orang tua anda.

Dia mempunyai rancangan bagi anda di bumi ini. Dia mahu anda untuk menjadi duta-Nya bagi perdamaian sebenar dan berkekalan di antara manusia dan Allah, sesama manusia, dan merentasi generasi sehinggalah Dia kembali. Hidup baru ini boleh bermula sekarang dengan anda memberitahu-Nya, "*Bapa kami yang di syurga, ampunilah dosa saya dan berikanlah saya hidup milik Yesus, dalam nama-Nya saya berdoa.*"

Anda mungkin bertanya: "Seperti apakah Allah sebagai bapa, sekiranya Dia bukan seperti orang tua saya?"

Ulangan 32:1-18

Allah ialah Bapa yang setia menjaga anak-Nya seperti seekor helang yang melatih anak-Nya untuk berdikari.

*Ulangan 8:5;
Ibrani 12:5-13*

Allah ialah Bapa yang mendisiplinkan anak-Nya.

Ulangan 1:29-31

Allah akan memimpin kita seperti Dia memimpin orang Israel di padang gurun. Meskipun mereka tidak mampu untuk menjaga diri mereka sendiri di dalam kelemahan, Dia masih menyayangi mereka.

Yeremia 3:19-23

Allah ialah Bapa yang menunggu kepulangan kita meskipun kita dengan memberontak telah melarikan diri daripada-Nya.

Hosea 11:1-4

Allah ialah Bapa yang mengisytiharkan belas kasihannya kepada anak-anak-Nya yang terus-menerus tidak pandai bersyukur kepada-Nya.

Bagaimana Kita Membina Sebuah Keluarga Penyayang?

Keibubapaan atau pengasuhan oleh ibu bapa ialah satu gaya hidup, nilai-nilai, tingkah laku dan pengorbanan. Ia merupakan sebuah tugas yang biasa yang diberikan oleh Tuhan kepada orang tua yang biasa, tidak kira mereka orang Kristian ataupun bukan. Tuhan memanggil, melengkapi serta menunjukkan mereka bagaimana tugas sebagai ibu bapa harus dipenuhi supaya generasi seterusnya akan tahu bahawa Tuhan sentiasa menyayangi mereka walau apa terjadi. Dia mengesahkan panggilan ini dengan komitmen ilahi, melalui perjanjian kasih tidak bersyarat, untuk menjadi Bapa kita sejak dari awal. Tanpa mengira kegagalan kita, Dia tetap meneruskan rancangan-Nya untuk menyelamatkan serta membawa pulang mereka yang mempercayai kebapaan-Nya. Dia tidak membiarkan kita untuk mempunyai anak dan membesarkan anak bersendirian.

Panggilan awal-Nya kepada "Adam" (di dalam bahasa Ibrani, perkataan ini boleh bermaksud lelaki ataupun manusia sejagat) ialah untuk: "Beranak-cucu dan bertambah banyak; penuhilah bumi dan taklukkanlah itu, berkuasalah atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala binatang yang merayap di bumi" (Kejadian 1:28). Melalui contoh yang diberikan-Nya dengan berkomunikasi secara intim ketika membesarkan Adam dan Hawa, Allah menginginkan manusia belajar untuk membina sebuah keluarga penyayang serta menyediakan keselamatan bagi setiap anak. Kita tidak seharusnya melayan anak-anak kita sebagai pengikut

mahupun rakan kongsi ekonomi dan politik. Jika kita melakukan seperti itu, mereka akan membesar dengan anggapan Allah berbuat baik semata-mata kerana ingin mendapatkan sesuatu daripada mereka. Mereka juga berkemungkinan akan berfikir bahawa Tuhan akan menolak mereka sekiranya mereka melakukan kesilapan yang sangat besar.

Satu lagi kesan dilayan seperti rakan kongsi bisnes dan ekonomi ialah anak-anak akan membesar untuk mengambil hati Tuhan dengan harapan untuk mendapatkan sesuatu daripada-Nya. Kenyataannya ialah Allah tidak seperti ibu bapa yang sedemikian. Dia menyayangi kita dengan kasih perjanjian yang dalam lagi utuh, kasih yang tidak akan melepaskan kita (Roma 8). Sungguhpun kita gagal, Dia tetap menunggu kita untuk kembali kepada-Nya. Dia menyayangi, mengampuni bahkan meninggikan kita berkali-kali oleh kerana apa yang telah Yesus, Anak-Nya lakukan bagi kita di atas kayu salib. Bagaimanakah kita dapat melaksanakan tugas untuk mengasihi seperti Allah?

Menurut Ken Medema, seorang pemuzik dan aktivis sosial Kristian dekad ini, soalan "bagaimana" ini boleh dijelaskan melalui lagunya yang berjudul "Bagaimana Membina Sebuah Rumah Penyayang?" (*How Do You Build A Love House*)

Bagaimana engkau membina sebuah rumah penyayang?

Bagaimana engkau mengutuhkannya?

Bagaimana engkau membina rumah penyayang supaya ia kekal?

Engkau tak boleh membinanya dengan kayu, bata dan kaca;

*Ia perlukan bicara, jerih payah,
sukacita dan doa,
supaya ia kekal lama.
Bicara ... di waktu indah dan gundah,
ia diperlukan seumur hidup;
Jerih payah ... untuk membina bangsa kita hari esok,
mengikat kita semua bila ia dipinta.
Sukacita ... di musim sejuk dan juga panas,
dengan anak-anak kita harus bermain;
Doa ... hari yang indah atau malam yang sepi,
dalam kehidupan dan kematian
kita akan terus berdoa.*

Renungkan apa yang telah anda baca setakat ini:

Kita akan menyentuh dua bahagian di dalam tanggungjawab pengasuhan yang sekian lama membelenggu ramai ibu bapa – jalinan ikatan dan pelepasan.

1. Jalinan Ikatan

Dengan gerak hati mereka, ibu-ibu tradisional dapat mengetahui apa yang ibu-ibu moden pelajari daripada buku. Seperti yang ditulis oleh Dr. Spock dari Amerika, bayi memerlukan ibu untuk membelai, memeluk dan membuai mereka. Degungan dodoian menjadikannya

kian manis. Bayi-bayi ingin merasa diterima, diinginkan serta disayangi seawal sejak dikandung ibu mereka. Sekiranya mereka merasakan kasih sayang ini sejak dari awal, selalunya mereka mampu untuk memaafkan kesilapan ibu bapa mereka dengan mudah.

Jalinan ikatan asas di antara anak dan orang tuanya mengajar mereka bahawa dunia ini adalah tempat yang selamat untuk didiami, iaitu dunia milik Bapa mereka.

Bagi para bapa pula, tugas mereka bukan sahaja untuk menjalin ikatan bersama anak, tetapi juga membantu isteri menjalankan kewajipan mereka. Ini sangat penting terutama sekali sewaktu tahun-tahun awal bayi tersebut sebelum dia bercerai susu. Sekali lagi, para bapa tradisional sebagai pencari nafkah sudah sekian lama mempraktikannya. Pasangan-pasangan moden pula berusaha untuk mencari cara yang baru, contohnya menjadi bapa sepenuh masa sementara isteri pula sebagai pencari nafkah. Adalah diharapkan bahawa para bapa akan kekal sebagai ketua keluarga, seperti yang Allah tentukan demi mencerminkan Kristus sebagai kepala bagi gereja-Nya.

Menjalin ikatan juga bermaksud mengajar anak kita mengenai sejarah mereka. Sama ada itu penting ataupun tidak, ia sangat mustahak untuk mereka mengenal latar belakang sendiri. Ia akan melatih mereka untuk menghargai kepentingan mencipta sejarah sendiri. Sejarah mengajar anak kita untuk mengesan realiti hidup mereka di bumi, seperti yang dimahukan oleh Tuhan. Mereka harus menerima kenyataan dosa asal serta mencari pengampunan

Allah. Dengan perlahan mereka akan faham bahawa mereka dicipta untuk mempengaruhi orang lain. Bagi saya, dalam *Matius 5:17-20*, Yesus mengajar perkara yang kita lakukan berkait rapat dengan benda yang kita ajar kepada orang lain. Oleh yang demikian, sekiranya kita mematuhi Dia, kemungkinan besar orang di sekeliling kita akan turut bersikap sedemikian. Begitu juga sebaliknya akan berlaku. Sekiranya kanak-kanak faham akan prinsip tersebut, mereka akan menjadi lebih bertanggungjawab ke atas kata-kata dan tingkah laku mereka. Dengan kasih kurnia Allah kita berharap mereka akan menjadi pengaruh yang baik kepada orang lain.

Namun demikian, jalinan ikatan di antara orang tua dan anak mengambil masa, usaha dan pengorbanan bagi lelaki dan perempuan masa kini.

Halangan-Halangan Kepada Jalinan Ikatan

1. **K**ebanyakan kita telah dipengaruhi oleh kesan-kesan gerakan pembebasan perempuan tahun 1960-70an di mana aspek-aspek negatif gerakan tersebut telah diturunkan kepada kita. Ada banyak kebaikan yang datang daripada gerakan tersebut, dan ramai perempuan yang diberkati melalui aspek-aspek positifnya. Di Malaysia hari ini, ramai kaum perempuan yang menikmati kebebasan untuk berkecimpung di dalam bidang yang sebelum ini hanya dikelaskan untuk kaum lelaki sahaja.

Walau bagaimanapun, ia juga sangat menyedihkan kerana kesan-kesan negatif gerakan tersebut seperti pembakaran pakaian dalam perempuan sebagai

simbol tidak ada lagi perbezaan di antara jantina. Kesan lain adalah tanggapan nilai perempuan bergantung kepada apa yang mereka lakukan. Pilihan mereka untuk mempercayai idea ini telah membawa kepada sindrom *superwoman* sekaligus menyebabkan ramai ibu-ibu menjadi bingung dan terlalu penat secara mental, emosi dan fizikal. Ramai yang terjerat di dalam keadaan "tidak ada pemenang".

Apabila mereka berada di rumah, suri rumah sepenuh masa berfikiran bahawa kebolehan mereka yang sudah dilatih melalui pendidikan peringkat tinggi telah disia-siakan. Mereka takut satu hari nanti anak-anak mereka akan menganggap mereka tidak bekerja keras untuk memberikan mereka pendidikan yang lebih baik, percutian yang setanding dengan orang lain serta kemewahan yang lain. Mereka sering berasa lebih rendah daripada kaum perempuan lain yang mempunyai kemampuan untuk menjana kewangan sendiri. Tambahan lagi mereka yang lebih berkemampuan di luar rumah selalunya akan dianggap sebagai rakan, kenalan, bahkan sebagai pemimpin di gereja oleh mereka yang memerlukan khidmat.

Para ibu yang bekerja pula sering merasakan diri mereka dilahirkan sebagai insan yang tidak berguna. Di tempat kerja, mereka harus mengambil hati majikan; di rumah pula mereka harus menjaga hati suami. Tugas harian untuk menjaga anak masih di bahu mereka, apatah lagi sekiranya para suami memberikan tugas sepenuhnya untuk mengendalikan keluarga kepada mereka tetapi tidak berkongsi tanggungjawab dalam hal-hal kewangan dan rumah tangga.

2 Sejak kejatuhan manusia, idea serta sikap dominan lelaki telah berakar di dalam sejarah manusia. Bahkan ia sering dijunjung dengan pemahaman Alkitab yang salah. Status dan tugas bagi lelaki dan perempuan sering dikatakan serupa sedangkan ia tidak sama sekali. Lelaki dan perempuan mempunyai status yang sama di hadapan Tuhan. Sama ada mereka mempunyai pasangan mahupun tidak, nilai setiap aspek hidup mereka adalah sama. Ini adalah kerana mereka diciptakan di dalam gambaran Allah sebagai sebuah komuniti. Walau bagaimanapun, tugas mereka di muka bumi mungkin berbeza atau bertindih dengan peranan kaum lelaki.⁴

Melalui perbualan sehari-hari dan pengalaman kaunseling saya dengan kaum perempuan, saya dapati bahawa ramai perempuan Kristian menginginkan suami mereka untuk memimpin ketika keputusan besar harus dilakukan. Salah satu keputusan yang perlu diambil adalah dilema patutkah mereka menjaga anak mereka secara sepenuh masa. Ramai yang tidak pasti sama ada mereka akan dihormati oleh pasangan mereka, dihargai sebagai seorang insan, atau adakah suami mereka sanggup berkongsi pendapatan bersama sekiranya mereka menjadi suri rumah sepenuh masa.

Pada masa yang sama, sesetengah suami Kristian merasa kecut untuk mengamalkan kepimpinan rohani dan menjadi ketua keluarga apabila berhadapan dengan sikap berdikari isteri mereka. Mereka takut dituduh mengongkong pembentukan diri isteri mereka.

Ada yang meminta bantuan kaunselor untuk menasihati isteri mereka supaya lebih mengambil masa menjaga anak di rumah. Ada pula yang takut dituduh oleh isteri mereka sebagai terlalu mengawal kebebasan sekiranya mereka menyuarakan keinginan mereka agar isteri mereka menjadi suri rumah sepenuh masa. Perselisihan faham serta ketidak pastian mengenai tugas suami di rumah, terutamanya hal-hal kerohanian amat jelas di kalangan ibu bapa berfikiran liberal. Hasil kajian Alexzander Solzhenitsyn, seorang bekas pembangkang Soviet seolah-olah bersetuju dengan kenyataan ini. Dia berkata,

"Sekiranya saya diminta untuk mengenal pasti satu ciri-ciri prinsip bagi keseluruhan abad ke-20, tidak ada yang lebih tepat untuk diulangi melainkan: Manusia sudah melupakan Tuhan"

Alexander Solzhenitsyn⁵

Jadi para suami dan kaum bapa harus memenuhi tanggungjawab mereka di rumah dengan lebih berani dan pengasih, dan harus percaya bahawa itu adalah rancangan Tuhan bagi mereka. Pada waktu yang sama, para isteri dan kaum ibu juga harus melaksanakan bahagian mereka. Walau bagaimanapun, masing-masing harus melakukannya di dalam keharmonian dan bukan persaingan.

Kita berharap agar lebih ramai bapa dan ibu yang akan menyuarakan keinginan hati mereka (untuk menyayangi anak mereka) di antara satu sama lain dengan jujur dan penuh kasih sayang. Ada pihak yang harus berkorban sekiranya kita ingin membesarkan

generasi seterusnya bagi Tuhan. Ramai ibu-ibu moden yang mengetahui kepentingan jalinan ikatan ibu dan anak di peringkat awal tumbesaran. Namun mereka merasa sangat sukar untuk memberikan anak-anak mereka kasih sayang, kelembutan, dan kesabaran.

Tolong jangan membuat kesimpulan bahawa saya menentang para ibu yang mempunyai anak kecil bekerja di luar rumah. Tidak sama sekali! Saya percaya bahawa sebagai umat Allah, kita harus menentukan sama ada anak-anak kita menjadi keutamaan di atas pekerjaan kita, atau sebaliknya. Oleh yang demikian, aturlah tugas dan pekerjaan kita di sekeliling mereka; ataupun jika minat dan pekerjaan kita yang didahulukan, maka biarlah anak-anak kita pula diatur di sekitar kepentingan tersebut.

Pada akhirnya, perhubungan itulah yang akan bertahan. Bukan idea, harta benda, ataupun kepuasan diri.

Umat Allah tidak pernah diberikan mandat untuk memuaskan diri sendiri, tetapi untuk dipenuhi oleh Kristus.

Oleh yang demikian, sama seperti ibu bapa yang mempunyai jalinan ikatan bersama Tuhan demi realiti dan keselamatan, mereka harus mampu untuk menjalin ikatan perhubungan dengan satu sama lain, dan dengan anak-anak mereka.

Maleakhi menjelaskan tugas Yohanes Pembaptis sebagai seorang yang membuka jalan bagi Yesus

juga memanggil para ibu bapa untuk berbalik kepada anak mereka dan anak kepada orang tua mereka. Ini adalah tanda bagi pertaubatan dan kedalaman kasih pengampunan Allah di dalam hati dan hidup manusia (*Maleakhi 4:5,6*). Namun demikian, sekiranya hasil tulisan ini kelihatan seperti menjurus kepada perlindungan anak secara keterlaluan, saya kini ingin membincangkan kepentingan ibu bapa untuk melepaskan anak-anak mereka ke tangan Tuhan.

2. Pelepasan

Ini adalah berdikari daripada ibu bapa dengan penuh makna berhala-tujukan Tuhan. Sewaktu Yesus beumur 12 tahun, kita dapat menangkap imbasan Yusuf dan Maria yang terpaksa membebaskan Yesus agar Dia mampu mematuhi Bapa-Nya di syurga. Akhirnya, apabila Yesus memulakan pelayanan umum-Nya sewaktu Dia berumur 30 tahun, Maria terpaksa melepaskan Dia dengan sepenuhnya supaya Dia mampu melakukan kehendak Allah Bapa.

Pada satu hari, Yesus diberitahu bahawa ibu dan saudara-Nya mencari-Nya sewaktu Dia sedang melayani. Apa yang Dia lakukan? Dia tidak bergegas keluar tetapi berkata,

“Siapa ibu-Ku dan siapa saudara-saudara-Ku? Barangsiapa melakukan kehendak Allah, dialah saudara-Ku laki-laki, dialah saudara-Ku perempuan, dialah ibu-Ku.”

(Markus 3:31-35)

Maria sangat mengenali dan mengasihi anaknya sehingga dia sanggup membenarkan dia pergi, walaupun itu sangat menyakitkan. Tugasnya sebagai ibu hanyalah sebuah kuasa yang diberikan oleh Bapa Penciptanya yang juga merupakan Bapa sebenar kepada semua umat manusia. Dia tidak memaksa Yesus untuk menetap di rumah dan menampung keluarga walaupun Yesus adalah anak sulung di dalam keluarga tradisional Yahudi.

Dengan cara yang sama, kita harus melatih diri kita untuk melepaskan anak kita ke dalam penjagaan dan kehendak Tuhan sejak daripada peringkat awal hidup mereka. Sekiranya tidak, perkara tersebut akan menjadi semakin sukar apabila mereka bertambah dewasa. Kita tidak seharusnya bersikap terlalu melindungi, mengongkong dan mengawal kepada anak kita. Adakah tindakan Maria melepaskan Yesus menjadikan anaknya lupa akan tanggungjawab kepada dia? Tidak sama sekali. Di dalam Yohanes 19:25-27, kita dapat membaca bahawa Yesus menjaganya dengan meminta Yohanes mengambil tempat-Nya sebagai anak kepada Maria apabila Yesus sudah tidak bersama dengan ibu-Nya lagi.

Di sinilah terletak ketegangan di antara dua ikatan: menyediakan perlindungan yang diperlukan oleh anak, dan melepaskan mereka ke tangan Tuhan yang adalah pemilik sebenar mereka. Saya percaya ini akan menghalang kita daripada membantutkan kebebasan mereka untuk mencari dan mematuhi Tuhan dengan sendiri. Ia juga akan menyediakan kita untuk berdepan dengan rasa bersalah yang tidak kena tempat sekiranya mereka membelakangi Tuhan. Kita akan tetap menyayangi, berdoa

dan mengawasi mereka untuk kembali ke pangkuan Tuhan. Sebagai ibu bapa, kita hanya sekadar dipercayakan oleh Tuhan untuk menjaga anak-Nya. Ia adalah sebuah kehormatan yang besar, disulami dengan kesengsaraan dan kegagalan, dihiasi dengan gelak tawa dan kegembiraan!

Persoalannya kini ialah bilakah masanya untuk ibu bapa melepaskan anak-anak? Sekali lagi, marilah kita mempertimbangkan teladan Maria. Masanya ialah apabila mereka sudah membesar menjadi insan yang mampu menerima serta memberikan kasih sayang. Ini bermaksud untuk memberikan anak kita kebebasan untuk meluahkan personalitinya walaupun ia akan berubah di akhir nanti. Ujian bagi pengasuhan keibubapaan yang sebenar bukanlah sama ada anak kita menjadi insan yang baik tetapi adakah kita mampu untuk menerima dan mengasihi mereka seadanya walaupun kita tidak menyetujui gaya hidup dan kelakuan mereka. Adakah kita mampu untuk menghormati dan menerima mereka bukan sebagai lampiran kita tetapi sebagai insan berdikari dengan tanggungjawab mereka sendiri di bumi ini? Bolehkah kita membantu mereka merasa diterima sewaktu mereka memerlukan kita sekali lagi, seperti "anak yang bercerai susu" yang dikatakan di dalam *Mazmur 131*?

"Membesarkan anak adalah seperti menggenggam sebuku sabun yang basah... Jika digenggam erat, ia akan lolos dari tangan. Jika tidak digenggam ketat, ia akan menggelunsur pergi. Genggaman yang lembut tetapi teguh akan membuatnya boleh dikawal."

~ Elaine Hannigan

Respon Anda Kepada Rancangan Allah Bagi Manusia dan Dilema Sosial Hari Ini

Usaha keras kasih ibu bapa masih tetap berharga dan berbaloi apabila kita mengambil kira hikmat dan kesabaran Allah di dalam membenarkan kita melihat anak-anak membesar.

Bagaimana kita membina sebuah rumah yang penyayang?

Kita perlukan bicara,

jerih payah,

sukacita,

dan doa... bersama-sama,

... ibu bapa berkomunikasi dengan Tuhan

... bapa berkomunikasi dengan ibu

... ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak

... anak-anak berkomunikasi dengan sesama sendiri

... anak-anak berkomunikasi dengan Tuhan.

Apabila hubungan kekeluargaan dikuatkan, gereja akan bertumbuh dalam kematangan. Sewaktu gereja bertumbuh, masyarakat akan lebih diasinkan dan diterangi dengan kebenaran kasih kurnia Kristus! Apabila ini terjadi, Bapa kita di syurga akan menerima pujian dan ramai yang akan memasuki keluarga-Nya. Akhirnya, pengantin Yesus akan disediakan untuk-Nya.

Semoga Tuhan Yesus membantu kita membina sebuah keluarga penyayang bagi-Nya. Dengan bantuan dan kasih kurnia Tuhan, kita mampu melakukannya; dan kita akan melakukannya!

Bahagian II Perkahwinan

Ramai orang muda hari ini yang bingung akan perkahwinan di mana komitmen kekal di antara lelaki dan perempuan sebagai suami isteri sepanjang hidup mereka. Sewaktu saya masih bersekolah di Melbourne sekitar tahun 1970, saya menyaksikan rakan-rakan saya mencuba hubungan intim-seksual alternatif, yang menyebabkan ramai di antara mereka hidup dalam kesengsaraan selepas beberapa waktu. Kadang-kadang saya juga tertanya-tanya adakah Malaysia juga akan mencapai tahap sedemikian. 24 tahun setelah kembali, saya boleh mengatakan gaya hidup sedemikian sudah menjangkiti kita malah ia semakin menjadi-jadi sejak dua dekad yang lampau. Sebagai keluarga Allah yang menekankan Firman-Nya memiliki keputusan muktamad bagi gaya hidup kita di hadapan Allah yang Maha Mengasihi, apa yang harus kita lakukan? Adakah perkahwinan hanya sekadar pencarian teman (melalui kepuasan seksual) bagi lelaki dan perempuan atau adakah ia merangkumi semuanya termasuk cara kita membesarkan anak di dalam keluarga?

Kebanyakan hasil tulisan orang Kristian dari Barat menekankan bahawa hubungan perkahwinan adalah asas bagi sesebuah keluarga. Alkitab juga turut memegang pandangan bahawa seks ialah untuk kepuasan pasangan yang sudah berkahwin dan bukan hanya untuk mendapatkan keturunan serta kenikmatan mempunyai anak. Kepuasan suami isteri adalah topik hangat sejak dua dekad yang lalu. Pernahkah kita terfikir adakah corak pandangan ini

berasal daripada Alkitab ataupun dari pegangan falsafah manusia (walaupun mereka datang daripada hasil kajian pakar psikologi, sosiologi, antropologi mahupun teologi akademik)? Adakah kita menganggap semua yang diimport dan dinamik sebagai kebenaran injil?

Pandangan Alkitab Tentang Perkahwinan


1. Perkahwinan dijelaskan sebagai sebuah bayangan tidak sempurna bagi kehormatan tertinggi yang akan tiba; hubungan sempurna di antara Yesus Kristus dan gereja-Nya (*Efesus 5:21-33*).
2. Perkahwinan adalah sebuah hubungan yang eksklusif, istimewa dan kekal di antara lelaki dan perempuan di bumi (*Lukas 20:27-36*). Tidak akan ada perkahwinan di dunia yang akan datang.
3. Panggilan dan rancangan asal Allah bagi pasangan yang telah berkahwin sebelum kejatuhan manusia adalah monogami (*Matius 10:4-6*).
4. Walaupun perkahwinan sering bermula dengan tarikan emosi bagi pasangan moden, elemen emosi harus membawa kepada kesanggupan untuk hidup bersama serta melibatkan diri melalui pengorbanan tanpa syarat kepada satu sama lain. Ia tidak seharusnya menjadi sekadar sebuah penyelesaian kepada ketidakgembiraan dan kesunyian. Oleh yang demikian, perkahwinan harus dibezakan daripada majlis perkahwinan. Majlis perkahwinan hanyalah sebuah acara untuk mengesahkan ikatan persendirian di antara pengantin lelaki dan perempuan di mata masyarakat. Ikrar perkahwinan tanpa komitmen untuk

menjaga satu sama yang lain “baik indah mahupun gundah, hingga kematian memisahkan kita”, tidak mampu untuk menghidupkan perkahwinan.

- Perkahwinan bukan hanya di antara dua insan sahaja. Masing-masing pihak mempunyai latar belakang tersendiri yang telah membentuk personaliti dan watak sendiri. Hubungan-hubungan lain yang dimiliki oleh sebelah pihak akan berlarutan di ambah dengan kerumitan di dalam interaksi bersama hubungan milik pihak yang satu lagi.

Perhubungan Interpersonal Dalam Perkahwinan

**Suami +
hubungan lain**



**Isteri +
hubungan lain**

Ini bermaksud apabila lelaki dan perempuan disatukan di dalam perkahwinan, mereka membawa semua kenalan dan pengalaman yang telah membentuk mereka. Pengaruh-pengaruh tersebut bukan sahaja bersifat luaran tetapi bersifat dalaman juga. Jauh di dalam lubuk pengaruh dalaman kita ialah dosa asal, yang dipandang serius oleh Allah yang suci dan kudus. Apabila kita mengalami konflik rumah tangga, kita boleh berhenti daripada menyalahkan satu sama yang lain serta membantu kita untuk mengakui tanggungjawab dengan mengingati realiti ini.

Ada sebuah cereka mengenai dua ekor kambing yang bertemu di tengah-tengah sebuah jambatan. Masing-masing enggan memberikan laluan. Mereka bergaduh lalu

kedua-duanya jatuh ke dalam sungai. Sikap mementingkan diri sendiri mengatakan, *"Untuk membuktikan dia salah, aku tak harus mengalah, walaupun aku juga bersalah!"* Mengapa? *"Supaya dia tahu aku menang dan dia kalah."*

Walaupun ada banyak hubungan-hubungan lain bersama kenalan, hubungan suami isteri adalah yang paling penting. Seperti yang kita sedia maklum di dalam Alkitab, Allah sering menggunakan hubungan tersebut untuk menggambarkan hubungan mutlak dan kekal di antara Dia dengan umat-Nya.

Tidak ada orang lain yang boleh mengambil tempat di antara Dia dan umat-Nya; pihak ketiga tidak seharusnya muncul di antara suami dan isteri.

(inti dari Efesus 5:21-33)

Melalui hubungan ini, ibu bapa dipercayakan dengan anak-anak, sama ada anak kandung mahupun anak angkat. Namun demikian, kesatuan yang dikongsi oleh ahli keluarga Kristus di muka bumi ialah satu kesatuan jiwa dan roh. Adik beradik di dalam Kristus tidak berkongsi kesatuan ini secara fizikal. Walau bagaimanapun, apabila sepasang kekasih yang berada di dalam tubuh Kristus berkahwin, mereka dibenarkan untuk bersatu secara fizikal. Walaupun ia bukan satu kesatuan yang sempurna, diconteng oleh dosa, ia tetap merupakan satu kesatuan yang eksklusif buat pasangan berkahwin. Kita sering melihat kesatuan fizikal di dalam kehidupan berumah tangga dan bukan kesatuan secara jiwa dan roh. Ditambah pula dengan corak pemikiran dunia, keserasian satu pasangan ditentukan oleh sifat-sifat fizikal, bukan jiwa dan roh. Ramai di antara kita yang melakukan kesilapan ini.

Ciri-Ciri Hubungan Keluarga Yang Baik

- Rasa saling menghormati dan peduli oleh pasangan suami isteri.
- Walaupun mereka mempunyai perbezaan dari segi personaliti dan kelakuan, mereka mampu menerima serta mencuba untuk memahami keperluan dan tidak menindas pasangan menggunakan pendapat.
- Sama ada mereka adalah orang Kristian ataupun bukan, mereka juga turut memiliki kesatuan dari segi tujuan, bahkan sanggup untuk memaafkan dan membina kembali kepercayaan apabila kesilapan terjadi.
- Syarat utama adalah untuk mengasihi pasangan anda secara menyeluruh.

Oleh kerana dunia kita masih tidak sempurna, interaksi di antara dua manusia biasa yang saling mengasihi pun akan mencetuskan persengketaan atau pertengkaran. Kedua-dua mereka yang ada dalam perjanjian perkahwinan mempunyai pengaruh-pengaruh lampau. Sesungguhnya perkahwinan ialah satu perkara yang rumit yang sering dihebahkan sebagai satu kegembiraan romantik yang tidak nyata. Mungkin inilah salah satu penyebab mengapa ramai pasangan hari ini yang memilih untuk berpisah.

Tetapi dunia ini masih mempunyai harapan. Ia memerlukan kasih, pengampunan dan kerja-keras yang berterusan. Yesus Anak Allah, memulakan pelayanan umum-Nya dengan menukarkan air kepada anggur sewaktu Dia menghadiri satu majlis perkahwinan. Bukankah itu satu lambang bahawa Dia juga mampu mengubah sebuah perkahwinan kepada harapan untuk diraihkan serta sumber dorongan bagi suami dan isteri?

Bahagian III Finale Terbesar

Keahlian baru bagi keluarga Allah bermula dengan kelahiran baru seseorang melalui kematian dan kebangkitan semula dalam Yesus Kristus, korban yang sempurna. Tidak ada cara lain bagi kita untuk menjadi anak kepada Allah Bapa selain daripada pengorbanan Yesus bagi dosa kita di kayu salib. Ikatan darah dan daging tidak dikira untuk menjadi anak-Nya (Yohanes 1:12,13). Kaitan serta pilihan untuk menjadi ahli sesebuah gereja tidak menjadikan kita sebahagian daripada keluarga Tuhan. Kita tidak boleh menjadi ahli tubuh Kristus seperti mengikuti sebuah kelab.

Panggilan untuk mengasihi, menjaga dan memperdulikan satu sama yang lain sebagai ahli keluarga bukan idea mana-mana institusi manusia. Panggilan untuk memperdulikan datang daripada Pencipta yang kekal, Allah Bapa. Pengambilan kita memasuki keluarga Allah datang daripada ikhtiar dan bantuan Allah sendiri, melalui penukaran “kerugian” kita kepada “keuntungan” menjadi anak-Nya di dalam Yesus Kristus. Satu hari nanti, apabila kita bersemuka dengan-Nya, semua hubungan dan kaitan kita di muka bumi harus dilepaskan. Seorang penginjil ke Amerika Selatan yang bernama Jim Elliot menyimpulkannya dengan berkata:

“Orang yang memberikan apa yang tidak boleh disimpan untuk mendapatkan apa yang tidak boleh dilepaskan bukanlah orang yang bodoh.”

Allah ialah Bapa kita yang abadi, dan Yesus Kristus adalah Saudara dan Pengantin Lelaki kita, sesuatu yang masih kita belum faham. Oleh yang demikian, semua pengikut Tuhan adalah saudara dan saudari kita dalam Kristus, tanpa mengira sama ada kita adalah ibu bapa, anak, suami, isteri, ataupun mertua di bumi. Kita sudah menjadi ahli keluarga iman yang diberkati!

- Kini kita memiliki semangat 'kekitaan' sebagai ahli keluarga Allah, kerana Dia telah menjadikan kita anak angkat kesayangan-Nya melalui Yesus Kristus (Roma 8:14-17).
- Nilai kita kini menjadi baru kerana Allah sudah memilih kita (Ulangan 7:7-9).
- Kita memiliki pandangan yang baru mengenai kesamarataan, sama ada bujang ataupun sudah berkahwin, mempunyai anak ataupun tidak, kerana kita semua telah dijadikan saudara dan saudari kepada Anak-Nya (1 Korintus 12:26; Ibrani 2:11,12).

Dua Hubungan Penting di Dalam Keluarga Baru Ini

1. Hubungan Bapa-anak di antara Allah dan umat-Nya (Yohanes 17:1; Ibrani 2:10-13)

Ini ialah satu hubungan perjanjian yang dimulakan oleh Allah Bapa dan Yesus Kristus Anak-Nya. Kasih kurnia Allah menjangkau kita melalui rancangan penebusan di dalam Yesus. Kita mampu menikmati kesatuan dan warisan bersama Dia, Saudara kita. Menjadi anak-anak Tuhan memberikan kita rasa selamat serta nilai yang tinggi. Allah kini menjadi Bapa kita.

2 Hubungan pengantin lelaki dan perempuan di antara Tuhan Yesus dan gereja-Nya (Wahyu 19:6-8)

Hubungan kedua ini memanggil keintiman dan kesatuan di antara dua pihak yang memilih untuk mengasihi secara mendalam antara satu sama lain. Keintiman rumah tangga kita hanyalah satu petanda yang sementara kepada keintiman abadi di antara Yesus dan gereja-Nya. Seorang penulis lagu rohani menulis, *"Betapa indah, betapa indah, kasih Penyelamat kepada saya!"*

Roh Kuduslah yang membolehkan anak-anak Allah memasuki serta bertumbuh di dalam kedua-dua hubungan ini. Agaknya kini kita sudah mula melihat hikmat Allah di dalam mentahbiskan hubungan orang tua dan anak serta suami isteri di dalam keluarga-keluarga yang semula jadi. Hubungan-hubungan sementara ini menyediakan kita untuk satu hubungan abadi bersama Allah nanti.

Kita harus bersatu untuk mempertimbangkan serta menjalankan realiti "keluarga besar" Allah di bumi. Sekiranya kita tidak percaya kepada realiti keluarga Allah, kita tidak mampu untuk memberikan sebab bagi iman kita bagi persoalan mengapa Allah menjadikan kita hidupan sosial. Kita adalah hidupan sosial yang terbit daripada keluarga semula jadi kita, sebelum menjadi ahli keluarga-Nya. Sekiranya kita percaya akan realiti ini, tindakan-tindakan kita harus turut mengikutinya.

- Adakah kita sanggup dan bersedia untuk mengambil langkah pertama mempercayai pasangan kita?
- Adakah kita sanggup dan bersedia untuk mengambil langkah kedua untuk mengambil risiko pengorbanan

dengan mendekati pasangan kita supaya dunia akan melihat kita sebagai umat Allah yang tulin?

Yesus berkata,

“Aku memberikan kamu satu hukum yang baru, kasihilah sesamamu sendiri. Sama seperti Aku mengasihi kamu, kamu juga harus mengasihi orang lain. Dengan ini semua orang akan mengetahui bahawa kamu adalah pengikut-Ku, kerana kamu mengasihi satu dan yang lain.”

(Yohanes 13:34, 35)

Adakah visi keluarga gereja ini tidak praktikal? Saya tidak berpendapat sedemikian. Bahkan ia mungkin sedang dihadapi oleh ramai rakan-rakan kita di gereja. Apakah cara yang lebih baik untuk menjadi saksi selain daripada ini? Ia telah ada di dalam Alkitab sejak dari dulu lagi!

Oleh yang demikian, Tuhan Yesus Kristus mungkin sedang bertanya dengan lembut kepada kita sekarang:

“Mahukah engkau menerima, mengambil berat serta mengasihi saudara-saudari Ku seperti milikmu sendiri hari ini?”



Renungan

1. Adakah saya hidup sebagai seorang anak Tuhan?
Kenapa dan bagaimana?

2. Adakah saya secara sedar sedang mempersiapkan diri saya sebagai pengantin perempuan Kristus?
Kenapa dan bagaimana?

Rujukan

- 1 Neil Anderson & Steven Russo, *The Seduction of Our Children – Protecting Kids from Satanism, New Age and the Occult* (Harvest House Publishers, 1991)
- 2 Lee Bee Teik, *Building A Love House is Hard Work* (MCARE, 1996)
- 3 Ray Anderson & Dennis B. Guernsey, *On Being Family – A Social Theology of the Family* (William B. Eerdsman Publishing Company, 1985)
- 4 Lee Bee Teik, *Building A Love House is Hard Work* (MCARE, 1996)
- 5 Walter Byrd M.D. & Paul Warren, *Counselling and Children* (Word Publishing, 1990)

“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Dilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

